

Sinar Harian 30 January 2018

Sun Life tawar pelbagai perlindungan insurans inovatif, berpatutan



Raymond Lew (kanan) ketika melancarkan hasil kerjasama antara Sun Life Malaysia dan CIMB-Principal.

SUN Life Malaysia menjalin kerjasama strategik bersama CIMB-Principal Asset Management Berhad (CIMB-Principal) untuk menawarkan pelbagai penyelesaian perlindungan insurans inovatif dan berpatutan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Sun Life Malaysia, Raymond Lewberkata, sejak penerokaan ke industri insurans Malaysia pada 2013, Sun Life Malaysia beri tumpuan mengembangkan perniagaan terasnya menerusi perkongsian eksklusifnya dengan CIMB Bank.

"Kerjasama ini membolehkan Sun Life Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian perlindungan insurans melalui Penasihat Kesihatan CIMB (CWA) dengan lebih 6,000 perunding berdaftar. "Kerjasama ini juga membantu meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan insurans hayat dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga menyokong matlamat kerajaan capai kadar penguasaan insurans 75 peratus menjelang 2020," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CIMB-Principal, Munirah Khairuddin berkata, CIMB-Principal gembira untuk menjadi rakan kongsi dengan Sun Life Malaysia bagi meningkatkan nilai pelanggan melalui platform agensinya CWA.

"Kami yakin bahawa kerjasama strategik dengan Sun Life akan meningkatkan penawaran produk insurans hayat sebagai sebahagian daripada penyelesaian kewangan holistik CWA," katanya.